



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBETULAN BUTIR-BUTIR DALAM DOKUMEN KEWARGANEGARAAN
KAEDAH 53 KAEDAH-KAEDAH KEWARGANEGARAAN (PINDAAN) 1996**

1) ISI DAN LENGKAPKAN BORANG P

- ☐ a) Bayaran pendaftaran permohonan RM10.00
☐ b) Bayaran pengeluaran dokumen RM10.00

2) DOKUMEN PEMOHON (ASAL & SALINAN)

- ☐ a) Kad Pengenalan (**mandatori**)
☐ b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru (**mandatori**)
☐ c) Sijil Warganegara atau Sijil Pengesahan Taraf Kewarganegaraan atau Borang W / H (**mandatori**)
☐ d) Dokumen sokongan bukti bagi pembetulan maklumat (**mandatori**)
☐ e) Dokumen perkahwinan (**mandatori**)

PERINGATAN:

1. Semua salinan hendaklah dalam kertas saiz A4.
2. Permohonan boleh dibuat oleh:
 - i. Pemilik dokumen; atau
 - ii. Ibu/bapa pemilik dokumen; atau
 - iii. Anak kepada pemilik dokumen; atau
 - iv. Suami/Isteri pemilik dokumen; atau
 - v. Waris terdekat (datuk/nenek sahaja); atau
 - vi. Peguam yang diberikan surat wakil sahaja. Peguam yang mengemukakan permohonan bagi pihak anak guamnya perlu mengemukakan maklumat lengkap termasuk nama dan No. Kad Pengenalan beliau serta menurunkan Cop Rasmi Guaman di Borang Permohonan.
3. Jika kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara, sediakan terjemahan dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris oleh Mahkamah / Konsul / Penterjemah Awam
4. Salinan dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara perlu disahkan oleh pihak Perwakilan Malaysia di negara kelahiran kanak-kanak atau di Kedutaan negara kelahiran kanak-kanak di Malaysia dan disahkan semula oleh Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) di Putrajaya, Kuching atau Kota Kinabalu.
5. **Mandatori** = Perlu dikemukakan jika orang yang hendak didaftarkan (subjek)/Ibu/Bapa/adik beradik pernah memiliki dokumen berkenaan
6. Pihak JPN berhak meminta apa-apa dokumen tambahan jika perlu.
7. Hanya pemohon yang mengemukakan permohonan boleh mengambil dokumen yang telah siap.
8. Tuan/Puan diingatkan bahawa sekiranya kenyataan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan itu palsu, tuan/puan boleh didakwa di bawah Seksyen 16(1)(a) Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda sebanyak RM1,000.00 atau kedua-duanya.